**Birds in Art and Culture Series:**
**Featuring Bird Artist Charles Mawan**

**How and why did you become interested in birds?**
Saya meminati alam semulajadi, haiwan, alam flora dan fauna serta kehindahan di dalam laut. Burung sangat menarik bukan sahaja kerana lagunya tetapi terdapat pelbagai jenis burung yang ada dari tanah rendah hinggalah di kawasan pergunungan di negeri saya Sabah, Borneo.

**How has bird watching changed you and your outlook on life?**
Memerhati burung, atau birdwatching, adalah hobi yang dapat memberikan pelbagai manfaat dan boleh mengubah pandangan hidup seseorang. Ia boleh mengurangkan stres, meningkatkan kesedaran alam sekitar, mengembangkan kesabaran dan kepekaan, meningkatkan pengetahuan dan kemahiran. Ia juga memberikan peluang untuk membuat kawan baru dan sebagainya.


A selection of Kingfishers (water colour)
© Charles Mawan

**Tell us how you became involved in and developed as a bird artist.**
Semasa saya sekolah rendah lagi sudah suka melukis. Saya melukis apa saja tapi lebih kepada alam semula jadi, flora dan fauna, muka orang, dan sebagainya. Selepas saya mula memerhati burung, baru lah saya lebih kerap melukis burung dan memberi tumpuan kepada burung yang saya telah lihat. Saya memang bercadang hendak melukis semua burung yang terdapat Borneo atau spesies burung endemik Sabah.

**Did you receive any formal training in drawing and art? What art mediums do you use?**
Saya belajar dari kelas seni di sekolah, mengikut bengkel dan belajar sendri. Saya melukis dalam cat air, cat akrilik, lukisan pensil warna, lukisan pensil, pen artline dan ball pen.

**What makes you choose a particular bird or species group to draw? Where do you find your inspiration?**
Saya melukis burung dari semua spesis tanpa memberi tumpuan kepada kumpulan tertentu, tetapi lebih tumpuan kepada burung yang terdapat Borneo atau spesies burung endemik Sabah. Alam semulajadi adalah sumber inspirasi utama saya serta memerhati burung di habitat

semulajadi mereka, dan merakam foto. Hampir semua lukisan burung yang di lukis melalui photo yang saya sendiri dan sedikit dari sumber lain.

**How long does it typically take you on one art work of a bird species? How long did it take to complete illustrations for a full bird book?**


Charles Mawan at work
The Great Argus (6b charcoal pencil )

Ia bergantung pada kerumitan subjek dan saiz lukisan, saya boleh mengambil masa dari satu jam hingga berbulan untuk menyiapkan lukisan itu. Ada juga karya seni size kecil dan ringkas 10 hingga 30 minit. Masa berkarya juga bergantung pada mood hari itu.

**How have you used your artistic output?**

Saya mempamerkan hasil di galeri seni dan pameran untuk memberikan kesempatan kepada peminat seni untuk melihat karya-karya saya secara langsung supaya dapat menghargai keindahannya. Selain koleksi peribadi, karya seni saya digunakan dalam dekorasi komersial seperti di ruang hotel, hospital dan pejabat. Saya juga menggunakan hasil karya dalam konteks edukasi, seperti mengadakan workshop seni, mengajarkan teknik-teknik melukis burung kepada para siswa dan seniman pemula.

**Where has your bird art been featured or used?**

Seni burung saya telah dipaparkan dan digunakan melalui pameran seni di beberapa galeri seni dalam negeri maupun di luar negeri. Dalam produk komersial juga beberapa karya seni juga digunakan dalam produk komersial seperti kalender dan alat tulis. Di media sosial juga membantu memperluas jangkauan karyanya kepada audiens global.

Banded (Black-faced) Kingfisher (pencil)
© Charles Mawan





Bengkel "Sketch with Charles Mawan"
semasa Borneo Bird Festival di Rainforest Discovery Centre Sandakan

**Is there any money to be made as a bird artist in Malaysia? Any tips for budding artists?**
Menjadi seorang artis burung di Malaysia sebenarnya boleh juga menguntungkan, tetapi ia memerlukan strategi yang baik dan dedikasi. Berikut adalah beberapa cara dan petua untuk menjana pendapatan sebagai artis burung di Malaysia. Menjual lukisan asal atau cetakan dan merchandise, komisen peribadi, pameran, pasar seni, bengkel dan kelas seni serta kerjasama dengan syarikat atau organisasi. Petua untuk artis baru harus mengasah kemahiran melukis, bangunkan gaya unik, gunakan media sosial, pamerkan karya anda dan mendapatkan maklum balas.



Bengkel "Sketch with Charles Mawan" semasa Borneo Bird Festival di Rainforest Discovery Centre Sandakan

**We notice that you also do art work in other areas. Could you tell us more about this and other aspects of your work?**

Saya berkerja sebagai architechural illustrator/graphic designer di firma arkitek di Kota Kinabalu, Sabah. Saya akan melakukan kerja seni saya semasa waktu rehat, selepas pulang dari kerja dan waktu tidak berkerja sahaja. Saya mula berkarya dengan serius pada tahun 1992 selepas tamat persekolahan hinggalah hari ini dan telah berpameran lebih dari 100 pameran kecil dan besar. Pada tahun 2009 dan 2022 buat bengkel, Sketch with Charles Mawan, Borneo Bird Festival RDC Sandakan.



Birds of Mount Kinabalu (blue ballpen) © Charles Mawan

**English Language Summary of the Article**

This article features an interview with Charles Mawan, a bird artist from Sabah, Borneo. Charles has been interested in nature and wildlife, especially birds, since childhood. He finds birds fascinating due to their diverse species and beautiful songs. Birdwatching has enriched his life by reducing stress, increasing environmental awareness, and fostering patience and sensitivity.

Charles started drawing at a young age, focusing on nature, flora, fauna, and portraits. After he began birdwatching, he shifted his focus to drawing birds, aiming to illustrate all bird species found in Borneo or endemic to Sabah. He is self-taught, learning through art classes in school, workshops, and independent practice. He uses various mediums, including watercolour, acrylic paint, coloured pencils, and pen.

Charles draws inspiration from nature, observing birds in their natural habitats, and capturing photographs. He doesn't focus on a specific bird group but prefers Bornean or endemic Sabah species. His artwork can take from an hour to months to complete, depending on the complexity and size.

Charles Mawan's bird art has been featured in art exhibitions, commercial products like calendars and stationery, and social media. He has used his art for personal collections, commercial decorations in hotels, hospitals, and offices, and educational workshops.

While making a living as a bird artist in Malaysia can be challenging, Charles believes it's possible with the right strategies and dedication. He suggests selling original paintings or prints, merchandise, commissions, and offering workshops and classes. Aspiring bird artists should hone their drawing skills, develop a unique style, utilize social media, showcase their work, and seek feedback.

Besides being a bird artist, Charles Mawan works as an architectural illustrator and graphic designer. He pursues his art during his free time and has participated in over 100 exhibitions. He has also conducted workshops to teach bird drawing techniques.

**Citation**: Birds in Art and Culture Series: Featuring Bird Artist Charles Mawan (2024).
*Malaysian Bird Report*. Volume 2/2024, June 2024: pg. 83-87.